



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 29 DISEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAQIS HARAP AKTA 728 DAPAT DIPINDA BAGI PERLUAS SKOP PENGUATKUASAAN, BERNAMA -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
2.	JAKIM TIADA KUASA ISU KARTEL DAGING, NEGARA, KOSMO -6	
3.	PASUKAN KHAS SIASAT KARTEL DAGING IMPORT, DALAM NEGERI, UM -7	
4.	JAKIM TIADA KUASA KAWAL KARTEL DAGING, MUKA DEPAN, SH -1	
5.	ISU DAGING DI LUAR KUASA JAKIM, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SH -2	
6.	JAKIM AKUI BERLAKU KETIRISAN, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SH -2	
7.	RCI KARTEL DIPUTUS DALAM SEMINGGU, DALAM NEGERI, UM -6	
8.	'BUKAN BIDANG KUASA JAKIM', DALAM NEGERI, UM -6	
9.	PERKASAKAN SEMULA NFC, DALAM NEGERI, UM -6	
10.	JAKIM AKUI ADA KELEMAHAN SOP SIJIL HALAL, MUKA DEPAN, BH -1	
11.	JAKIM AKUI WUJUD KELEMAHAN SOP SIJIL HALAL, MUKA DUA, BH -2	
12.	TAK BERDOSA TERMAKAN DAGING DIRAGUI STATUS HALAL, MUKA DUA, BH -2	
13.	KERAJAAN PERTIMBANG RCI, NASIONAL, BH -3	
14.	PEMUDA UMNO BUAT LAPORAN POLIS, NASIONAL, BH -3	
15.	TEKNOLOGI RANTAIAN JAMIN INTEGRITI DAGING IMPORT HALAL, MUKA SEPULUH, BH -10	
16.	DI LUAR BIDANG KUASA JAKIM, LOKAL, HM -13	
17.	DESAK TUBUH PASUKAN KHAS SIASAT KARTEL DAGING IMPORT, LOKAL, HM -13	
18.	RCI FOR BURNING MEAT CARTEL ISSUES?, MUKA DEPAN, NST -1	
19.	GOVERNMENT MULLS RCI INTO MEAT CARTEL ISSUE, NEWS STORY OF THE DAY, NST -2	
20.	JAKIM ACKNOWLEDGES FLAWS IN SYSTEM, NEWS STORY OF THE DAY, NST -2	
21.	CONSUMER GROUP QUESTION PROBE'S LACK OF PROGRESS, TRANSPARENCY, NEWS STORY OF THE DAY, NST -3	
22.	'AVOID IMPORTED MEAT UNTIL TRUST ISSUE RESOLVED', NEWS STORY OF THE DAY, NST -3	
23.	JAKIM TO ISSUE LIST OF LICENSED MEAT IMPORTERS, NEWS STORY OF THE DAY, NST -3	
24.	JAKIM NOT IN VOLVED IN FAKE HALAL MEAT PROBE, NEWS STORY OF THE DAY, NST -3	
25.	JPV BAJAL NAIK TARAF 30 PPIT, SASAR 100 PERATUS PENGELUARAN SUSU, NEGERI, SH -26	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
26.	9 HEKTAR TANAH TERBIAR KERAJAAN DI KOLEJ VOKASIONAL BACHOK DITANAM NANAS COBEK, NEGERI, SH -24	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
27.	KELANTAN TARGETS 150 HECTARES FOR PINEAPPLE CULTIVATION NEXT YEAR, BERNAMA -ONLINE	
28.	500 AHLI PELADANG PERLIS TERIMA SUMBANGAN BERJUMLAH RM100,000, NASIONAL, SH -5	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
29.	RUGI RM192,000 PADI DISERANG BENA PERANG, NEGARA, KOSMO -13	PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (PPK)
30.	PADI MUSNAH KENA 'BOM', LOKAL, HM -19	
31.	BANJIR JEJAS SUMBER MAKANAN KITA, FORUM, UM -18	LAIN-LAIN
32.	JAGUNG SUGAR KING KUALA BALAH, GAYA TANI, UM -24	
33.	JAGUNG MANIS LARIS, GAYA TANI, UM -25	

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/12/2020	BERNAMA	ONLINE	

MAQIS harap Akta 728 dapat dipinda bagi perluas skop penguatkuasaan



Ketua Pengarah MAQIS Saiful Yazan Alwi

KUALA LUMPUR, 28 Dis -- Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) berharap Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) dapat dipinda di Dewan Rakyat tahun depan bagi memperluas dan mengukuhkan bidang penguatkuasaan jabatan itu.

Ketua Pengarahnya Saiful Yazan Alwi berkata pindaan akta itu telah pun mendapat kelulusan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, dan sedang dalam proses penelitian daripada aspek perundangan oleh Jabatan Peguam Negara.

"Ketika ini bidang kuasa MAQIS hanya di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin sahaja, jadi sekiranya akta itu dapat dipinda, skop penguatkuasaan yang berlaku di luar pintu masuk dapat diperluaskan, termasuk aspek penangkapan dan pertuduhan, juga dapat dilakukan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri program Ruang Bicara bertajuk 'Penyeliaan dan Pemeriksaan Daging Import Dalam dan Luar Negara' yang bersiaran di Bernama TV malam ini.

Mengulas tindakan kerajaan yang sedang menimbangkan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat isu pengimportan daging yang diragui, Saiful Yazan berkata jabatan itu amat mengalu-alukan usaha berkenaan, supaya segala dakwaan berkaitan isu berkenaan dapat disiasat dengan segera.

"Apabila ada RCI yang terdiri daripada jawatankuasa bebas, ia dapat memberikan pencerahan kepada rakyat berikutan tohmahan yang berlaku sekarang, khasnya berhubung agensi penguatkuasaan kerajaan," katanya.

Media sebelum ini melaporkan mengenai kegiatan kartel yang menyeludup daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina sebelum membungkus semula daging berkenaan menggunakan logo Halal di sebuah gudang di Senai, Johor.

-- BERNAMA

Jakim tiada kuasa isu kartel daging

Oleh AHMAD MUSTAKIM ZULKIFLI

PETALING JAYA – Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) tidak mempunyai kuasa dalam isu penyeludupan daging yang dibongkarkan baru-baru ini.

Pengarah Kanan Bahagian Penyelidikan Jakim, Datuk Dr. Sirajuddin Suhaimee berkata, dalam hal ini pelbagai agensi turut terlibat meliputi aspek permit, pintu masuk negara dan aspek lain.

"Selepas permohonan mengimport daging diterima, akan diaturkan satu sesi audit di lapangan (di rumah sembelihan luar negara) melibatkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Bahagian Pengurusan Halal Jakim dan Bahagian Keselamatan dan Kawalan Makanan.

"Pasukan daripada Jakim melihat dari aspek penyem-

belihan di lokasi, sama ada bersesuaian dengan Malaysia Standard (MS)1500 2019 yang mengambil kira hukum syarak, sehingga proses memasukkan daging dalam kotak.

"Hasil daripada audit di luar negara, barulah Kementerian Pertanian mengeluarkan satu senarai rumah sembelih yang diberi kebenaran untuk mengeksport daging ke Malaysia, di situ sahaja Jakim terlibat," kata Sirajuddin.

Beliau berkata demikian dalam segmen khas "Tanya Jakim" bertajuk SOP Sijil Halal: Di Mana Silapnya?, yang disiarkan secara dalam talian di laman sosial Facebook Jakim semalam.

Ujarnya, Jakim tidak boleh mengeluarkan kenyataan kerana ia boleh menjejaskan siasatan yang sedang dijalankan oleh pihak-pihak berkaitan.

Katanya, pihak lain yang terlibat ialah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) yang mengeluarkan permit mengimport daging, Jabatan Kastam yang melihat aspek cukai serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna selepas produk daging berada dalam gudang.

Media sebelum ini melaporkan taktik kartel yang menyeludup daging sejuk beku dari luar negara sebelum membungkus semula daging berkenaan dengan menggunakan logo halal dan menjualnya di pasaran seluruh Malaysia.

Daging-daging yang masuk ke negara ini dikatakan bukan daging lembu halal sebaliknya merupakan lain seperti daging kuda dan kangaroo.



ISU daging yang diimport dari luar negara diragui kesahihan halalnya. – GAMBAR HIASAN

29/12/2020

UTUSAN
MALAYSIA

DALAM NEGERI

7

Pasukan khas siasat kartel daging import

Oleh **MASZUREEN HADZMAN**
maszureen.hadzman@mediamulla.com.my

KUALA LUMPUR: Satu pasukan khas yang dianggotai Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan pelbagai agensi lain yang berkaitan perlu segera ditubuhkan bagi menyiasat kegiatan kartel daging import haram dengan telus.

Agensi itu termasuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang memantau urusan pemeriksaan dan penguatkuasaan terhadap pemprosesan daging di luar negara.

Turut perlu dilibatkan ialah Kementerian Kesihatan, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Majis) serta Bahagian Penguatkuasaan Sistem Maklumat Keselamatan Makanan Malaysia.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki berkata, ini kerana pendudukan wujudnya kartel yang menyeludup daging dari negara yang persijilan halalnya tidak diiktiraf Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sejak 40 tahun lalu telah mencetus kegusaran dalam kalangan umat Islam di negara ini.

"Memandangkan banyak agensi terbabit, maka kita mendesak ditubuhkan pasukan khas ini supaya segala siasatan dapat dijalankan dengan segera," katanya dalam sidang akhbar selepas membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi, di sini semalam.

Asyraf turut mendesak supaya nama syarikat atau individu yang disyaki didedahkan.

Ditanya sama ada kegiatan kartel daging haram itu sudah wujud sewaktu Barisan Nasional (BN)

menjadi kerajaan sebelum ini, Asyraf yang juga bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, pihaknya tidak pernah menerima laporan berkaitan perkara itu.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Mohamad Zainal Abdullah ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan berkenaan.

Sementara itu, Pas Johor mencadangkan suruhanjaya diraja diwujudkan bagi menyiasat isu kartel daging import selain mengetatkan undang-undang melibatkan makanan import ke negara ini.

Ketua Penerangannya, Rusman Kemlin berkata, pemeriksaan ke atas premis pemprosesan makanan juga perlu dipertingkatkan dan mengenakan hukuman yang berat kepada lantikan kerajaan yang terlibat sebagai dalang.



ASYRAF WAJDI Dusuki menunjukkan laporan polis yang dibuat Pemuda UMNO berhubung isu kartel daging import di Ibu Pejabat Polis Daerah Dang Wangi, Kuala Lumpur, semalam.

JAKIM TIADA KUASA KAWAL KARTEL DAGING

Penguat kuasa Maqis menjalankan pemeriksaan di gudang kartel daging sejuk beku di Senai, Johor.



Lagi desakan tubuh RCI, beri Jakim lebih kuasa **3 & 4**

Asyraf Wajdi lapor polis, minta pasukan khas ditubuh **5**

JABATAN Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mendakwa isu kartel penipuan label halal serta pembungkusan semula daging sejuk beku import yang dijual secara terbuka di pasaran seluruh negara adalah di luar bidang kuasa dan tanggungjawab badan itu.

Pengarah Kanan Bahagian Penyelidikan Jakim, Datuk Dr Sirajuddin Suhaimi berkata, peranan pasukan Jakim adalah memeriksa sama ada sesebuah rumah penyembelihan di luar negara, mematuhi hukum syarak dari aspek proses penyembelihan selinggalah daging itu dibungkus dan dimasukkan ke dalam kotak dalam keadaan bebas cemar.

Katanya, selain Jakim, antara agensi lain yang terlibat dalam proses import daging ialah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis), Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/12/2020	SINAR HARIAN	SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU	2

SELASA 29 DESEMBER 2020 • SINAR HARIAN



SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU

Pengarah kanan
jelaskan sebab Jakim
'berdiam diri' di sebalik
isu kartel daging haram

Oleh HASNIZA HUSSAIN

SHAH ALAM

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menegaskan pihaknya tidak mengeluarkan sebarang kenyataan berkaitan isu penipuan penyeludupan daging kerana ia berada di luar bidang kuasa jabatan tersebut. Pengarah Kanan Bahagian Penyelidikan, Datuk Dr Surajuddin Suhaimi berkata, pihaknya bukan sengaja 'berdiam diri' seperti didakwa pelbagai pihak, sebaliknya tindakan itu diambil kerana persoalan dikemukakan masyarakat adalah di luar tanggungjawab Jakim.

"Walaupun masyarakat mengangapnya adalah tanggungjawab Jakim tetapi hakikatnya ia tidak.

"Tambah lagi, sistem berkesan perkara ini sedang dijalankan pihak berkuasa yang berkaitan, jadi kita tidak mahu mengganggu kerja mereka dengan kenyataan-kenyataan tidak sepatutnya yang boleh menimbulkan suasana yang tidak baik," katanya pada sesi Facebook Live bertajuk 'SOP Siji Halal: Di Mana Sinar Harian?' yang disiarkan secara langsung menerusi Facebook Jakim pada Isnin.

Sirajuddin berkata, dalam isu berkaitan pengimportan dan penyeludupan daging tak halal serta pemalsuan logo halal ini juga ia melibatkan banyak agensi kerajaan dan bukan Jakim sahaja. Mengulas berhubung proses pengimportan daging ke Malaysia serta peranan Jakim, Sirajuddin berkata, ia melibatkan beberapa agensi.

Beliau berkata, selepas permohonan untuk mengimport diterima daripada

Isu daging di luar kuasa Jakim



Sirajuddin (kanan) ketika sesi Facebook Live bertajuk 'SOP Siji Halal: Di Mana Sinar Harian?' yang disiarkan secara langsung menerusi Facebook Jakim pada Isnin.

akan senarai nama rumah sembelih yang diberi telusuran untuk mengeksporth daging ke Malaysia.

"Jadi peranan Jakim hanya sampai di peringkat ini kerana selepas senarai rumah sembelih dikeluarkan, maka pengimport-pengimport daging di Malaysia akan mendapatkan permit daripada Jabatan Perkhidmatan Kuatir dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) untuk membawa masuk daging ke negara.

"Selepas permit diperoleh, daging tersebut akan dibawa dari rumah sembelih sehingga ke pelabuhan Malaysia. Apabila sampai di pintu masuk pelabuhan negara, ia sudah berada di bawah bidang kuasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Maqis untuk melepaskan produk itu masuk ke dalam negara.

"Selain itu, ia akan dipindahkan ke gudang sehingga dibawa masuk ke pasar raya. Kini produk tersebut akan berada di bawah seliaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pula," katanya.

Jakim akui
berlaku ketirisan

SHAH ALAM - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) meminta syarikat terlibat agar tampil membuat perakuan bahawa produk daging yang dijual mereka adalah memenuhi aspek halal.

Pengarah Kanan Bahagian Penyelidikan, Datuk Dr Surajuddin Suhaimi berkata, ia bagi memberi keyakinan kepada orang ramai yang kini berasa waswas selepas berlaku isu penyeludupan dan penipuan daging baru-baru ini.

Selepas isu berkenaan timbul, beliau berkata, sudah ada beberapa syarikat yang mengedar dan menjual daging membuat perakuan sejak minggu lalu bahawa produk yang mereka jual sudah dipersijilkan halal.

"Jadi orang ramai tak perlu risau atau berasa waswas lagi kerana kalau hendak makan daging, produk yang halal masih ada," kata Sirajuddin pada Isnin.

Mengulas prosedur standard operasi (SOP) yang dikatakan lemah sehingga menyebabkan berlaku penyeludupan daging tidak halal ke dalam negara, Sirajuddin berkata, SOP berkaitan pengimportan daging ke Malaysia sebenarnya sudah lama ada, cuma berlaku kedrises dalam beberapa aspek.

"Pertara berkenaan yang perlu dikemas kini dan diperkuat agar ketirisan yang berlaku hari ini tidak berulang.

"Bagaimanapun dalam kes penipuan dan penyeludupan kartel daging baru-baru ini, ketirisan ini ditemui pihak berkuasa setelah pihak Maqis menjalankan intipan ke atas aktiviti licik pihak tidak bertanggungjawab yang membawa masuk daging tidak halal dan meletakkan logo halal palsu," katanya.

RCI kartel diputus dalam seminggu

Oleh MOHD, FADHLI

MOHD. SULAIMAN

fadhli.sulaiman@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan memerlukan sekurang-kurangnya seminggu bagi meneliti maklumat balas dan maklumat yang diperoleh berkenaan isu penyeludupan daging berstatus tidak halal sebelum boleh memutuskan untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) dan membuka kertas putih.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri berkata, kewajaran penubuhan RCI akan dibincangkan dalam masa terdekat memabatkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan kementerian berkaitan.

"Semua pihak akan melihat mana-mana kelemahan yang ada untuk diperbaiki dalam aspek status halal bekalan daging import di negara ini dan saya berjanji tindakan akan diambil dengan segera dalam bidang kuasa yang ada pada Jakim dan kementerian lain secara bersepadu.

"Soal penubuhan RCI, saya tidak katakan ia perlu atau tidak kerana perkara ini perlu didalangi dengan baik dahulu dan saya



ZULKIFLI Mohamad Al-Bakri (dua dari kiri) memeriksa daging import halal yang dibawa masuk oleh syarikat Lucky Frozen Sdn. Bhd. ketika melawat pusat penyimpanan syarikat berkenaan di Segambut, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/SHIDDIQIIN ZON

tidak akan mengambil masa lama untuk menanganinya," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke sebuah kilang pengimport daging sejuk

beku di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya berkenaan penubuhan RCI selepas ramai pihak termasuk Pergerakan Pemuda

UMNO dan Persatuan Pengguna Melayu Malaysia menggesa agar kerajaan menubuhkan badan bebas itu bagi mengembalikan keyakinan rakyat terhadap kera-

jaan dalam melindungi kesucian imej Islam di peringkat negara mahupun antarabangsa.

Media baru-baru ini melaporkan, terdapat kartel yang bersubab dengan beberapa pegawai dalam agensi kerajaan untuk mengimport daging seperti kanggaru dan kuda yang tidak berstatus halal untuk dijual sebagai daging halal.

Pegawai dalam agensi kerajaan itu didakwa menerima pelbagai jenis habuan termasuk wang dan khidmat bagi membolehkan kartel tersebut beroperasi mengimport daging-daging berkenaan.

Dalam pada itu, Zulkifli menasihatkan agar para pengusaha daging import patuh pada setiap peraturan dan prosedur operasi standard (SOP) daripada Jakim serta kerjasama yang dijalinan bersama syarikat luar yang mendapat pengiktirafan oleh Jakim.

"Kerajaan akan cuba menambah baik SOP agar apa yang dilakukan menekankan sifat kebersamaan dan saya melihat isu ini amat penting kerana apa yang kita makan berkait dengan darah daging kita justeru itu sewajarnya kita ambil perhatian yang sungguh-sungguh," katanya.

'Bukan bidang kuasa Jakim'

PUTRAJAYA: Isu penyeludupan daging import yang dibawa masuk ke negara ini dan dibungkus semula serta menggunakan logo halal dipalsukan, tidak semestinya melibatkan tanggungjawab Jabatan Kemajuan Islam (Jakim) semata-mata.

Pengarah Bahagian Penyelidikan Jakim, Datuk Dr. Sirajuddin Suhaimi berkata, isu tersebut juga melibatkan pelbagai pihak berkuasa lain yang sedang berusaha merungkai permasalahan itu.

"Biarpun rakyat merasakan isu terbabit di bawah tanggungjawab Jakim, namun persoalan yang ditimbulkan bukanlah dalam bidang kuasa kita," ujar beliau.

Beliau berkata demikian dalam sesi bual bicara, bertajuk *SOP Sijil Halal: Di mana silapnya?* secara langsung di Facebook rasmi Jakim semalam.

Katanya, siasatan sedang dilakukan pihak yang bertanggungjawab iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan



DR. SIRAJUDDIN SUHAIMEE

Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang pastinya sedang dilakukan secara telus dan terbuka.

"Kita (Jakim) berdiam diri sebab persoalan dikemukakan bukanlah dalam bidang kuasa kita. Maka dengan memberi maklumat balas pastinya akan menimbulkan suasana yang tidak baik sekiranya apa yang dinyatakan tidak benar.

Sirajuddin berkata, sekiranya pihaknya mengeluarkan kenyataan maka sudah pastinya akan menjejaskan siasatan agensi berkaitan kerana setiap agensi berkuasa mempunyai bidang kuasa masing-masing.

Katanya, isu berkenaan heboh apabila Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Majlis) membongkar kegiatan terbabit, bukannya didekahkan pihak luar atau orang awam.

"Perkara ini terjadi apabila ada pihak tidak bertanggungjawab membawa masuk daging yang bukannya daripada antara rumah penyembelihan yang diiktiraf Jakim dan apabila masuk ke negara ini, mereka menggunakan bungkusan yang mempunyai sijil dari badan luar yang diiktiraf Jakim.

"Isu inilah yang sedang disiasat KPDNHEP dan isu ciplak logo termasuk logo halal bukanlah isu baharu tetapi ia dipandang serius oleh semua agensi berkuasa yang berkaitan," katanya.

Perkasakan semula NFC

KUALA LUMPUR: Kerajaan perlu memperkasakan semula Pusat Fidlot Nasional (NFC) sebagai pengeluar daging halal utama negara supaya tidak lagi bergantung kepada daging import.

Presiden Dewan Perdagangan & Industri ASEAN (DPIA), Datuk Sohaimi Shahadan berkata, isu kartel daging haram yang didekahkan baru-baru ini berlaku ekoran kekurangan penawaran bekalan daging halal oleh penge-luar domestik.

Sedangkan, katanya, keperluan dan permintaan daging halal di negara ini amat tinggi dengan sekitar 70 peratus daripada rakyat Malaysia adalah penganut beragama Islam.

"Ini soal permintaan dan kelemahan penawaran sehingga wujud kartel daging haram. Disebabkan kelemahan dalam penawaran bahan bekalan ini maka ada pihak tidak bertanggungjawab cuba memanipulasi melalui penge-luar kartel daging haram.

"Jika NFC berfungsi dengan baik ia mampu mengatasi permintaan di seluruh negara. Ia perlu menjadi hab daging halal bagi melawan dan menghapus kartel daging haram. Kalau ini berjalan dengan betul, lama-lama kartel haram ini mati," katanya di sini semalam.

Pada masa sama, Sohaimi berpendapat kerajaan perlu memberi peluang kepada mereka yang berkebolehan dan telus dalam menguruskan NFC agar tidak terjadi kontroversi seperti sebelum ini.

Katanya, ini bagi memastikan pengeluaran daging halal tempatan benar-benar dapat menguasai ekonomi sekali gus melumpuhkan kegiatan kartel.

"Kementerian Pertanian harus ada mekanisme dan pelan baharu bagi menguruskan NFC ini," katanya.

Beliau berharap kerajaan dapat bertindak tegas terhadap pihak yang terbabit dengan kartel daging haram dengan menarik balik sijil halal serta permit import mereka.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/12/2020	BERITA HARIAN	MUKA DEPAN	1



Isu kartel daging import

JAKIM akui ada kelemahan SOP sijil halal

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengakui wujud kelemahan prosedur operasi standard (SOP) dalam pembangunan pensijilan halal hingga menyebabkan daging import diragui status halalnya. Pengarah Kanan Bahagian Penyelidikan JAKIM, Datuk Dr Sirajuddin Suhaimee menjelaskan, selain JAKIM terdapat 344 agensi lagi yang terbabit dalam keseluruhan rantai proses halal dan pengimportan daging halal hingga sampai ke tangan pengguna. **Muka 2**

(Foto Fathil Asri/ BH)

29/12/2020

BERITA
HARIAN

MUKA DUA

2

Isu kartel daging import

JAKIM akui wujud kelemahan SOP sijil halal

Agensi sedia perkemas prosedur pastikan ketirisan tak berulang

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengakui wujud kelemahan prosedur operasi standard (SOP) dalam pembangunan pensijilan halal, sekali gus berisiko menyebabkan bekalan daging sejuk beku yang dibawa masuk ke negara ini diragui status halalnya.

Pengarah Kanan Bahagian Penyelidikan JAKIM, Datuk Dr Sirajuddin Suhaimie, berkata dalam membangunkan SOP pensijilan halal, JAKIM tidak bergerak sendiri, sebaliknya turut membatik beberapa agensi lain seperti Jabatan Standard Malaysia.

"Kalau nak kata tidak (ada kelemahan), ia mustahil sebab kita sebagai manusia mesti ada kesilapan berlaku. SOP (pensijilan halal) itu sudah ada sejak sekian lama, (tetapi) berlaku ketirisan di beberapa aspek."

"JAKIM bersedia memperkemas dan menguatkan SOP itu dalam memastikan isu bekalan daging import yang diragui status halalnya tidak berlaku lagi pada masa depan," katanya melalui

segmen 'Tanya JAKIM' bertajuk 'SOP Halal: Di mana silapnya' yang disiarkan di laman Facebook agensi itu, semalam.

Mengulas lanjut proses pensijilan halal, beliau mengulangi bahawa JAKIM bukan satu-satunya agensi yang menguruskan proses berkenaan dan pengimportan daging halal ke negara ini hingga sampai ke tangan pengguna, sebaliknya ada 344 agensi terlibat dalam keseluruhan rantaian.

Difahamkan, terletak di bawah pelbagai kementerian, antaranya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kesihatan (KKM) serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT).

Sirajuddin menjelaskan, proses membawa masuk bekalan daging import ke negara ini adalah panjang termasuk prosedur kunjungan ke loji penyaliran di luar negara yang turut disertai Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan KKM.

Katanya, peranan JAKIM adalah memeriksa rumah penyem-

Situasi ini turut berlaku di negara lain, contohnya di Singapura sehingga menyebabkan Indonesia tidak mempercayai bekalan daging (halal) dari negara itu. Bekalan dibawa ke gudang dan ditukar bungkusannya dan dilabelkan halal. Jadi tidak mustahil ia berlaku di negara ini.

Sirajuddin Suhaimie,
Pengarah Kanan
Bahagian Penyelidikan JAKIM

belihan di luar negara, sama ada proses penyembelihan sehingga daging dibungkus dan dimasukkan ke dalam kotak dalam keadaan bebas cemar, mematuhi hukum syarak.

Beliau berkata, permit mengimport daging pula dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dan apabila produk sampai di pintu masuk negara, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) pula melihat dari segi cukai.

Selepas produk berada di gudang dalam negara, katanya, ia tertakluk di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP).

Mengulas lanjut sama dakwaan penyeludupan masuk daging import tidak halal berlaku, Sirajuddin tidak menolak kemungkinan daging import tidak halal yang dibawa masuk kemudian diletakkan logo halal palsu sebelum diagihkan ke pasaran tempatan.

Katanya, kegiatan itu tidak mustahil disebabkan kelemahan dan ketirisan beberapa aspek yang perlu ditambahbaik termasuk di peringkat proses pensijilan halal sendiri.

"Situasi ini turut berlaku di negara lain, contohnya di Singapura sehingga menyebabkan Indonesia

tidak mempercayai bekalan daging (halal) dari negara itu. Bekalan dibawa ke gudang dan ditukar bungkusannya dan dilabelkan halal. Jadi tidak mustahil ia berlaku di negara ini," katanya.

Sementara itu, Sirajuddin berkata, pihaknya sedar banyak pihak mempersoalkan jabatan itu apabila tidak mengeluarkan sebarang kenyataan berhubung isu penyeludupan daging import yang diragui status halalnya, termasuk senarai nama syarikat atau jenama yang terlibat.

Katanya, siasatan kes itu adalah di luar 'bidang kuasa dan tanggungjawab JAKIM, sebaliknya diuruskan pihak mempunyai kuasa seperti KPDNHEP yang sedang menjalankan siasatan dan akan mendedahkan hasilnya apabila proses itu selesai.

"Biarlah siasatan dijalankan dengan cara terbaik tanpa gangguan. Berikan ruang agensi yang berkecuali untuk menyiasat. Maklumlah balas (JAKIM) akan menimbulkan suasana tidak baik, kalau keluar kenyataan akan menjejaskan siasatan," katanya.

Mengenai syarikat yang membentuk kartel memonopoli perniagaan itu dan mengimport daging sejuk beku diragui kualiti serta status halal sejak 40 tahun lalu, beliau menegaskan, sesuatu perniagaan dikuasai kartel bukan

'dosa besar' kerana mereka hanya menguasai pasaran.

Namun, katanya, JAKIM tidak boleh mengesahkan atau menafikan kegiatan itu sudah berlanjutan sejak 40 tahun lalu kerana ia mungkin dakwaan penggiat industri yang perlu disertakan dengan bukti terlebih dahulu.

Sebelum ini, BH melaporkan sumber rapat dengan siasatan kes itu, mendakwa kartel yang membawa masuk daging sejuk beku dari negara sumber tidak sah, termasuk yang diragui status halal dan kualitinya, dipercayai 'membeli' beberapa kakitangan kerajaan, termasuk pegawai banan agensi tertentu bagi melepasi pemeriksaan di pintu masuk negara.

Wang ringgit dan habuan berlibur dikatakan diguna bagi merasuah pegawai terlibat sebagai dorongan 'melepaskan' barangan yang diimport tanpa mengikut peraturan ke pasaran negara ini dan menyebabkan kartel berkenaan kekal sehingga mampu beroperasi sejak lebih 40 tahun lalu.

Rampasan 30 tan daging sejuk beku yang dipercayai dibungkus semula dan kemudian menguapakan tanda halal palsu di Johor pada awal bulan ini, didakwa sebagai bukti kegiatan kartel yang disyaki dibantu beberapa penjawat awam yang menyahgunakan kuasa.

Tak berdosa termakan daging diragui status halal

Kuala Lumpur: Umat Islam tidak perlu bimbang dan takut dianggap berdosa jika termakan daging yang diragui status halalnya kerana ia adalah perkara lalu yang bukan disengajakan.

Di Georgetown, Mufti Pulau Pinang, Datuk Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor, berkata sebelum isu status halal daging import diragui dibongkar, semua tidak tahu mengenai perkara itu, sekali gus umat Islam yang memakannya adalah tidak berdosa.

"Apa yang berlaku sebelum ini adalah perkara lalu yang bukan disengajakan dan diharapkan memberi petunjuk kepada semua untuk meninggalkan makanan yang 'syubhah' (meragukan). Dulu, kita tidak tahu apa-apa, maka ia tidak berdosa."

"Maka dalam isu ini, umat Islam tidak perlu bimbang dan takut. Namun selepas ini, wajib untuk kita meninggalkannya (makan daging diragui status halal)," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Di Johor Bahru, Mufti Johor, Datuk Yahya Ahmad menasihatkan umat Islam berhati-hati membuat pilihan ketika membeli daging import dengan memastikan ia mendapat pengesahan halal Malaysia atau badan pensijilan halal diiktiraf di luar negara.

"Aspek halal pada makanan dan ketulenan status halal perlu sentiasa diutamakan umat Islam sebelum membeli sesuatu produk makanan, termasuk daging import. Ketulenan halal sesuatu makanan terutama membabitkan daging perlu dijaga dan diawasi ma-

Umat Islam tidak perlu bimbang dan takut. Namun selepas ini, wajib untuk kita meninggalkannya (makan daging diragui status halal).

Wan Salim
Wan Mohd Noor,
Mufti Pulau Pinang

sarakat Islam," katanya menambah, pengguna juga berhak mendapatkan kepastian daripada peniaga jika produk dibeli tiada logo halal atau diragui status halal.

Di Ipoh, Timbalan Mufti Perak, Datuk Zamri Hashim, berkata orang ramai boleh menggunakan kuasa sebagai pengguna dengan tidak membeli daging import, khususnya lembu buat sementara waktu sehingga keyakinan mengenai status halal produk itu diperakui sepenuhnya.

"Boleh guna kuasa sebagai pengguna sehingga penjual atau pengusaha produk akur dengan keperluan halal. Kuasa pengguna juga boleh digunakan untuk mewujudkan gerakan supaya siasatan terus disegerakan berhubung kontroversi penjualan daging im-

port diragui status halal.

"Gelombang diwujudkan juga boleh berperanan supaya urusan proses import daging atau makanan lain dengan menepati piawai sijil halal," katanya.

Beliau berkata, umat Islam boleh terus membeli daging lembu tempatan yang bukan sahaja boleh mengelakkan keraguan mengenai status halal, tetapi dapat membantu meningkatkan ekonomi penternak lembu tempatan.

"Jika umat Islam masih ragu, berhenti sementara membeli daging import berpandukan hadis Nabi Muhammad SAW supaya meninggalkan keraguan dalam urusan seharian," katanya berharap pihak berwajib mendedahkan jenama produk diragui status halal itu.

29/12/2020

BERITA
HARIAN

NASIONAL

3

Isu kartel daging import

Kerajaan pertimbang RCI

JAKIM akan keluar senarai syarikat diberi lesen bawa masuk produk

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan bersedia mempertimbangkan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat kualiti dan status halal daging sejuk beku import, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al Bakri.

Pada masa sama, katanya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan mengeluarkan senarai syarikat pengimport yang diberikan lesen untuk memasarkan produk berkenaan di negara ini bagi mengurangkan kebimbangan orang ramai, terutama umat Islam berhubung isu halal.

Zulkifli berkata, pihaknya komited dan prihatin untuk menangani segera keraguan status halal daging import, sekali gus memastikan tiada lagi syak wasangka dalam kalangan pengguna, khususnya umat Islam di negara ini.

Sehubungan itu, katanya, satu pertemuan akan diadakan minggu ini yang membabitkan Kementerian berkaitan bagi membincangkan isu berkenaan.

"Melalui pertemuan itu kelak, semua pihak akan duduk semeja melihat mana-mana kelemahan yang ada untuk diperbaiki dalam aspek status halal bekalan daging import di negara ini," katanya kepada media ketika melawat dua kilang pengimport daging sejuk beku dekat sini, semalam.

Kelmarin, pelbagai pihak, termasuk pemimpin politik, dewan perniagaan dan persatuan pengguna mahu kerajaan bertindak segera menangani isu kartel daging import seludup serta status halalnya yang mencetuskan kebimbangan umat Islam di negara ini.

Tindakan dicadangkan termasuk mewujudkan pasukan siasatan khas, malah ada menyarankan penubuhan RCI bagi menyiasat kegiatan itu dan mendedahkan semua pihak yang terbabit. Ada juga meminta didedahkan jenama menggunakan label halal diragui supaya pengguna, terutama umat Islam boleh berhenti membeli produk terbabit.

Zulkifli yang turut mengulas isu sama ketika ditemui media di Dewan Negara semalam, berkata beliau difahamkan, lesen kebenaran menjual daging sejuk beku di Malaysia, turut membabitkan Kementerian lain.

"Justeru, kami akan adakan



Zulkifli membuat lawatan ke kilang menyimpan daging beku di Segambut, semalam.

(Foto: Pathil Aasi/BH)



kerjasama lebih erat dengan Kementerian yang terbabit. Saya akan cakna isu ini dan meninjau sebarang masalah yang ada kaitan dengan logo halal JAKIM. Sekiranya ada kelemahan, kita akan kemas kini bagi memastikan masyarakat mendapat daging import 100 peratus halal," katanya.

Mengulas lanjut syor penubuhan RCI, beliau berkata, cadangan itu akan diteliti dan keputusan mengenainya dijangka diperoleh

dalam tempoh terdekat.

"Saya tidak kata perlu atau tidak (RCI) kerana perkara ini perlu didalangi terlebih dahulu dan saya tidak akan ambil masa lama, dalam tempoh dua atau tiga hari ini untuk mendapatkan maklumat dan sebarang perkara yang boleh ditangani segera.

"Saya sudah duduk semeja dengan JAKIM dan akan melakukan perkara sama dengan beberapa Kementerian bagi melihat mana-mana kelemahan yang per-

lu diperbaiki serta mengambil tindakan segera dalam bidang kuasa JAKIM dan Kementerian lain secara bersepadu," katanya.

Mengenai dua kilang dilawatnya semalam, Zulkifli berkata, beliau berpuas hati dengan operasi kedua-duanya dalam aspek pengendalian daging import sejuk beku termasuk tiada pembabit orang tengah dalam urusan membawa masuk produk terbabit serta bahan mentah yang diperlu-

Pemuda UMNO buat laporan polis

Kuala Lumpur: Pergerakan Pemuda UMNO membuat laporan polis meminta pihak berkuasa itu menjalankan siasatan terhadap kegiatan kartel penyeludupan daging import yang diragui status halal dan kualitinya.

Laporan dibuat Ketuaanya, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi, di sini pada jam 2 petang semalam, antara lain turut mengundang syor penubuhan pasukan khas membabitkan polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Pendedahan itu menimbulkan keresahan dan kegusaran dalam kalangan rakyat, khususnya umat Islam kerana membabitkan bekalan daging import halal yang meluas di pasaran.

"Pemuda UMNO turut memperoleh maklumat penting dari agensi kerajaan yang terbabit secara langsung dalam aspek pemeriksaan, pemantauan dan penguatkuasaan pemprosesan daging, rumah penyembelihan dan loji proses hasil haiwan di luar negara.

"Memandangkan banyak agensi dan institusi terbabit dalam urusan kawal selia, pensijilan, pemeriksaan dan penguatkuasaan industri halal di negara ini, Pemuda UMNO mendo-sak pasukan khas ditubuhkan membabitkan polis dan SPRM untuk menyiasat perkara ini," katanya.

Mengulas lanjut, Asyraf Wajdi berkata, siasatan perlu dilakukan secepat mungkin bagi mendedahkan serta mendakwa individu dan syarikat terbabit dalam isu berkenaan, sekali gus keyakinan serta kepercayaan rakyat terhadap logo halal Malaysia dapat dipulihkan dan dipelihara.



Pendedahan itu menimbulkan keresahan dan kegusaran dalam kalangan rakyat, khususnya umat Islam.

Asyraf Wajdi Dusuki,
Ketua Pemuda UMNO

Teknologi rantai jaminan integriti daging import halal

Pendedahan memalukan mengenai industri daging halal yang berikhsar gejala rasuah sistemik sebuah kartel terdiri pengeksport asing yang didakwa berkomplot dengan empat agensi kerajaan, memberi peringatan provokatif bagaimana budaya itu berakar umbi di Malaysia.

Rasuah bukan sahaja etakat rutin membabitkan prosedur birokrasi, bahkan melanggar teras Islam mengenai makanan halal yang berkaitan ritual penyembelihan, selain pembabitkan pegawai kerajaan yang rata-ratanya beragama Islam.

Pelanggaran berganda dikecam Islam di mana rasuah dan tipu daya ini mengakibatkan masyarakat Islam tanpa pengetahuan mengambil daging tidak halal selama 40 tahun.

Sejak 1970-an, Malaysia berjaya mengubah industri halal menjadi antara pensijilan halal yang paling mapan dan dipercayai pada peringkat global.

Negara juga mengembangkan industri makanan dan minuman, halal serta rantai bekalan, sambil secara agresif mengambil langkah berkembang ke sektor lain seperti perjalanan, kosmetik dan pembiayaan.

Nilai eksport produk halal Malaysia meningkat hampir tiga kali ganda dalam tujuh tahun - dari RM15.2 bilion pada 2010 menjadi RM43.3 bilion pada 2017 - menyumbang kira-kira 7.5 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2017.

Sayangnya, walaupun eksport halal menjadi sebahagian besar ekonomi negara, sumbangannya masih kecil dalam pasaran halal global yang kini dianggarkan bernilai AS\$2.3 trilion setahun (tidak termasuk kewangan Islam) - pasaran paling cepat berkembang di mana pertumbuhan globalnya dianggarkan mencapai kadar tahunan 20 peratus setahun.

Pada 2018, Malaysia hanya menyumbang satu peratus permintaan halal global, membuktikan banyak peluang dan ruang untuk diperbaiki demi membangunkan sebuah hab halal yang telus dan dipercayai.

Walaupun unjuran penduduk Muslim dijangka meningkat menjadikannya 30 peratus penduduk dunia menjelang 2050 yang juga satu faktor mendorong pengembangan pesat industri halal, pendedahan mengenai ketidakjujukan kartel satu berita yang tidak baik untuk industri halal di sini.

Selain keperluan reaktif memperkuatkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan lebih banyak sumber dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk



Aplikasi nyata rantai blok yang paling penting adalah asal usul data (data provenance) - dokumentasi mengenai daripada mana data itu berasal dan proses serta metodologi dihasilkannya.



Langkah proaktif perlu dilaksanakan segera bagi melindungi umat Islam daripada menggunakan produk daging import meragukan.

(Foto hiasan)

meningkatkan tadbir urusannya mengenai pengeluaran permit import (AP) daging ke Malaysia, keperluan mendesak dan proaktif juga diperlukan untuk mencegah kejadian itu berulang memandangkan rasuah kini menjadi satu cara hidup di Malaysia.

Antara langkah proaktif harus segera dilaksanakan pihak berkuasa terabit - kementerian yang mengeluarkan AP dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk mendapatkan sijil halal - adalah melaksanakan teknologi *blockchain* atau rantai blok dalam kedua-dua urusan ini.

Dikenali juga sebagai teknologi lejar agihan (DLT), ia boleh mengubah semua strategi kartel yang licik dan licin untuk mencapai objektif penipuan mereka.

Melalui kontrak pintar, DLT menetapkan secara digital semua proses dan keperluan mengikut kepiawaian halal, mengesahkan pematuan halal dan memastikan kebolehlaksanaan rantai bekalan halal.

Kontrak pintar adalah protokol komputer yang bertujuan memitodahkan, mengesahkan atau menguatkuasakan perundingan atau pelaksanaan kontrak

secara digital.

Ia juga membolehkan pelaksanaan urusan yang boleh dipercayai tanpa pihak ketiga.

Rantai blok adalah sistem pengagihan kuasa antara semua pihak yang menyertainya, pembayaran kepada perantara (orang tengah) tidak diperlukan dan ini menjimatkan masa dan persembekataan.

Walaupun DLT mempunyai masalahnya tersendiri, tidak dapat disangkal ia lebih cepat, lebih murah dan lebih selamat berbanding sistem tradisional. Lantaran itulah bank dan pemerintah sedang beralih kepada sistem DLT.

Ketika seseorang meminta sesuatu urusan, permintaan disiarkan ke jaringan rakan ke rakan (P2P) terdiri beberapa komputer (juga dikenal sebagai nod) yang mengesahkan transaksi dan status pengguna melalui algoritma diketahui.

Selepas disahkan, urusan digabungkan dengan urusan serupa sebelumnya bagi mewujudkan blok data baharu untuk lejar, yang kemudian digabungkan dengan rantai blok sedia ada dengan cara yang kekal dan tidak dapat diubah.

Urusan terbaru itu kini selesai, sementara menunggu transaksi lain. Sebagai pangkalan data lejar yang disulitkan (*encrypted*) untuk mengaburkan maklumat supaya tidak dapat dibaca tanpa pengetahuan khusus, rantai blok itu hampir mustahil untuk digodam, menjadikan semua rekod urusan dapat disahkan secara kekal.

Sebagai satu sistem pengagihan kuasa tanpa pemilik tunggal, sebarang perubahan dilakukan pada rekod terdahulu mesti disahkan majoriti nod atau anggota dalam jaringan. Ini menjadikan ia teknologi selamat dari segi reka bentuk.

Ringkasnya, rantai blok halal mempunyai maklumat lengkap mengenai alamat dan jalur rantai bekalan mereka daripada sumber hinggalah titik pembelian pengguna.

Ini memberi jaminan sangat diperlukan bagi umat Islam bahawa status halal makanan di meja mereka dapat dikesan melalui semua lokasi rantai bekalan halal bermula dari ladang halal atau ladang ternakan pertama dalam rantai bekalan itu termasuk identiti petani atau penternak.

Rantai blok menyuntik kepercayaan kepada bekalan halal dan rantai nilai pemilik jenama yang lebih mampu menjamin integriti halal.

Ini juga dapat digabungkan dalam sistem keberlanjutan dan tanggungjawab korporat yang meluas demi memperluaskan pasaran jenama di luar pengguna Muslim.

Aplikasi nyata rantai blok yang paling penting adalah asal usul data (*data provenance*) - dokumentasi mengenai daripada mana data itu berasal dan proses serta metodologi dihasilkannya.

Ia mewujudkan satu garis masa penjagaan tunggal data yang selamat, direka supaya ia kalis gangguan.

Sistem ini dapat digunakan untuk menyediakan 'cerita' kepada pelanggan mengenai setiap produk meliputi bahan, lokasi, proses, ramuan dan pembekal, serta memungkinkan perniagaan membuktikan tuntutan mengenai produk mereka menggunakan data sebenar.

Sudah tiba masanya kementerian menggunakan sistem itu dalam mengeluarkan AP untuk pengeksport membawa daging halal ke negara ini dan mengundang agensi kerajaan berkaitan menjadi sebahagian jaringan dalam sistem dilandaskan kepada teknologi rantai blok.

Penulis adalah Pengarah Media dan Komunikasi di EMIR Research

Di luar bidang kuasa Jakim

**Penyeludupan daging import tak halal didalangi kartel
libatkan bidang kuasa beberapa agensi kerajaan berbeza**

Bernama

Kuala Lumpur

Isu penyeludupan daging yang hangat diperkatakan sekarang adalah di luar bidang kuasa dan tanggungjawab Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), kata Pengarah Kanan Bahagian Penyelidikan Jakim Datuk Dr Sirajuddin Suhaimi.

Beliau berkata, peranan Jakim adalah memeriksa sama ada sesebuah rumah penembelihan di luar negara mematuhi hukum syarak dari aspek proses penembelihan sehinggalah daging itu dibungkus dan dimasukkan ke dalam kotak dalam keadaan bebas cemar.

"Permit mengimport daging dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis). Apabila produk itu sampai ke pintu masuk ne-

gara, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) akan melihat dari segi cukai.

"Selepas produk daging itu berada di gudang di dalam negara, ia adalah tertakluk di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)," kata Sirajuddin.

Beliau berkata demikian dalam segmen khas Tanya Jakim bertajuk SOP Sijil Halal: Di Mana Sialapnya? yang disiarkan secara dalam talian di akaun laman sosial Facebook Jakim, semalam.

Sirajuddin berkata, Jakim menyedari banyak pihak mempersoalkan agensi itu apabila tidak mengeluarkan sebarang kenyataan berhubung isu penyeludupan daging import yang didedahkan media, baru-baru ini dan tidak mendedahkan senarai nama syarikat atau jenama yang terlibat.



DR Sirajuddin

Menjawab persoalan itu, beliau berkata, pihak berkuasa seperti KPDNHEP sedang menjalankan siasatan mengenai perkara terbabit dan akan mendedahkan hasilnya apabila siasatan kes berkenaan selesai.

"Biarlah siasatan dijalankan dengan cara terbaik tanpa gangguan. Berikan ruang agensi yang berkaitan untuk menyiasat. Maklum balas (Jakim) akan menimbulkan

suasana tidak baik, kalau (Jakim) keluarkan kenyataan akan menjejaskan siasatan," katanya.

Sejak isu terbabit timbul, banyak pihak mempersoalkan Jakim kerana mereka menganggap agensi itu bertanggungjawab sepenuhnya dalam proses membawa masuk daging dari luar negara.

Ditanya sama ada benar atau tidak aktiviti penyeludupan daging itu sudah 40 tahun berlaku, beliau berkata, perkara berkenaan tidak dapat disahkan atau dinafikan, kerana ia adalah dakwaan dari pihak industri dan bukannya agensi atau badan penguat kuasa.

